

PSC receives over 1.1m applications for civil service jobs

BY PETER KHO

SIBU: The Federal Public Service Commission (PSC) had received a total of 1,123,692 applications for government jobs last year.

Out of the total, 150,159 applicants were called for interviews and 36,810 persons were recruited to serve in the Federal Civil Service.

For Sarawak, the statistics indicated that there were 14,137 applicants with 3,310 candidates being accepted and offered training in the various government agencies.

The majority of applications for jobs in the Civil Service came from the Bumiputra community representing about 80 per cent of

the total. Applications from non-Bumiputra accounted for about 17 to 20 per cent every year.

However in terms of application success rate, the percentages of the Chinese and Indians were higher.

This was disclosed by PSC Secretary Dato Lamien bin Sawiyo when he officiated at the opening of the PSC SibU Branch's Interview Centre at Jalan Pelada 20, here.

The interview centre would also benefit all the various federal government departments here.

Lamien said that with Sarawak being a large state, the PSC had interview centres located in Kuching and one at SABERKAS Foundation in Miri.

The SibU PSC Interview Centre would extend better services to the locals particularly by providing assistance to those who wish to seek employment in the Civil Service.

He said the centre was not only for the sole purpose of conducting interviews but it was well equipped with computers for users to submit online applications to the PSC. Job seekers could browse through the various schemes of service available on the PSC website.

Lamien also revealed the PSC had plans to upgrade interview centres throughout the nation into "one-stop-centers" by 2015.

He added that the PSC practised accountability and treated



PSC Secretary Dato Lamien Sawiyo (centre) handing over a souvenir to the Resident of SibU Division, Sim Kok Kee (left) during the opening of the interview centre.

all candidates fairly during interviews irrespective of their background, race, religion, state of birth and political inclination.

All sectors of the community

had been given equal opportunities by the PSC which had to safeguard its credibility as an agency of fair and transparent recruitments.

In the development of the nation to raise the wellbeing of the people, PSC also had to play an important role to recruit quality human resources, he said.

Public Service Commission provides employment for 36,810 with govt jobs

Borneo Post 16-03-2012 m.s.4

SIBU: The Public Service Commission (PSC) has provided employment for 36,810 of the 1,123,692 applicants for jobs in the government sector last year.

These submitted their applications through the commission.

PSC secretary Datuk Lamien Sawiyo said 150,159 of the applicants nation-wide were called for interviews.

"From the total candidates called for interviews nationwide, 14,137 were Sarawakians. 3,310 of them have been appointed or offered training in the civil service sector," he said before officiating at the opening of PSC Interview Centre in Pedada Road here yesterday.

He said PSC realised that Sarawak was the biggest state in the country and therefore it had opened a branch office and interview centre in Kuching.

With the opening of other interview centres in Sibul and Miri, PSC hoped it would provide assistance in terms of logistics as well as assist other government departments involved in interviews, he said.

Lamien said its centre in Sibul was an effort by PSC to provide convenience to interviewees as well as locals dealing with the commission especially those in and around Sibul.

"The establishment of the centre shows our priority for the customers and bringing PSC services closer to the state in line with the 1Malaysia Concept.

"We believe the strategic location here will also benefit those from Sarikei, Kapit and Mukah," he said, adding that the centres in Sibul and Miri would be equipped with computers to enable job seekers to use online services.



IT'S OFFICIALLY OPEN: Lamien flanked by Sim (left) and Saiful (right) officiates at the opening of PSC Interview Centre in Sibul.

He revealed that PSC in its strategic plan until 2015 had planned to maximise the capacity of all its Interview Centres by making them 'One-stop Centres' with online services.

Meanwhile, he said the commission played an important role in ensuring that only those qualified would fill the positions in the public service to help government efforts in

implementing various policies and plans to develop the country and enhance the prosperity of the people.

At the same time, he said, PSC was also responsible to ensure interviews were conducted fairly and equally regardless of the candidate's background, race, religion, birthplace or political belief.

"The people have high

expectations on the commission as a credible, fair and transparent appointing authority.

"The commission always strive to provide equal opportunities for Malaysians who want to serve the country by joining the public service," he said.

PSC Sarawak secretary Saiful Abdullah and Sibul Resider Sim Kok Kee were among those present at the function.

Calon berkelayakan diperluaskan dalam perkhidmatan awam

AKUN GIMAN

SIBU, Khamis — Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti modal insan yang akan memasuki perkhidmatan awam.

Setiasaha SPA Malaysia, Dato' Lamien Sawiyo berkata, SPA sentiasa berusaha memastikan semua calon mempunyai kelayakan akademik cemerlang, memiliki kompetensi sesuai, sahsiah dan peribadi unggul serta menunjukkan prestasi terbaik semasa temuduga dalam mengisi sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam.

"Ini kerana modal insan berkualiti tinggi dapat membantu menjamin dasar pengurusan dan projek kerajaan dilaksanakan dengan jayanya," ujarnya.

Selain itu, katanya, pada masa sama SPA juga bertanggungjawab bagi memastikan urusan temuduga dapat dikendalikan secara adil dan saksama tanpa mengira latar belakang, kaum, agama, negeri kelahiran mahupun fahaman politik sesorang calon.

"SPA sentiasa berusaha

untuk memberikan peluang saksama kepada rakyat Malaysia yang ingin menabur bakti kepada negara dengan menyertai perkhidmatan awam," ujarnya lagi.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan perasmian Pusat Temu Duga SPA Malaysia Sibu, petang tadi.

Katanya, pembukaan Pusat Temuduga SPA di Sibu merupakan kesinambungan kepada usaha SPA untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada calon-calon yang menghadiri temuduga dan urusan dengan SPA khususnya anak-anak Negeri Sarawak yang berada di Sibu, Sarikei, Kapit dan Mukah.

"Pengwujudan pusat temuduga SPA ini merupakan manifestasi SPA untuk mendahulukan pelanggan dan mendekatkan lagi perkhidmatan SPA ke Sarawak selari dengan Gagasan 1Malaysia," jelasnya.

Tambahnya lagi, penubuhan pusat temuduga di Sibu dan Miri bukan hanya dikhususkan untuk urusan temuduga sahaja.

"Malah ia juga terus dilengkapi dengan kemudahan komputer bagi memudahkan orang ramai membuat permohonan



RASMI ... Lamien (tengah sekali) ketika melakukan upacara perasmian Pusat Temuduga SPA Malaysia di Sibu, semalam sambil disaksikan Sim (kiri).

kepada SPA secara online, di samping dapat menyediakan kemudahan untuk urusan pemeriksaan memasuki perkhidmatan awam bagi skim-skim perkhidmatan tertentu," jelas beliau.

Lamien berkata, menyedari negeri Sarawak merupa-

kan sebuah negeri terbesar di Malaysia, SPA mengambil inisiatif untuk membuka pejabat cawangan dan pusat temuduga di Kuching, Miri dan kini di Sibu.

"SPA berharap pembukaan pusat temuduga di luar Kuching seperti di Sibu dan Miri bukan

sahaja memudahkan urusan logistik di peringkat urus setia SPA Cawangan Sarawak.

"Malah membantu jabatan-jabatan persekutuan yang terlibat dalam urusan temuduga," ujarnya beliau.

Turut hadir Residen Bahagian Sibu, Sim Kok Kee.

MyRecruitment pastikan kredibiliti proses pelantikan perkhidmatan awam terpelihara

SIBU: Kaedah pengambilan secara profiling MyRecruitment yang diguna pakai dalam sistem pengambilan perkhidmatan awam antara transformasi yang dilaksanakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang memastikan kredibiliti proses pelantikan ke perkhidmatan awam persekutuan sentiasa terpelihara.

Setiausaha SPA Malaysia Datuk Lamien Sawiyo berkata, sejak dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada awal tahun ini, sebanyak 55 skim perkhidmatan telah mengguna pakai sistem pengambilan melalui kaedah MyRecruitment.

“Kaedah ini membuktikan lagi ketelusan SPA dalam melaksanakan urusan pengambilan yang bukan

hanya berdasarkan kriteria akademik semata-mata tetapi juga perlu memiliki kompetensi yang sesuai dengan jawatan yang disandang.

“Melalui kaedah ini juga calon yang mempunyai tahap kelulusan ijazah yang minimum masih berpeluang dinilai oleh SPA jika berjaya dalam peperiksaan dan penilaian kompetensi,” jelasnya ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Pusat Temu Duga SPA Malaysia di Sibul, semalam.

Hadir sama ialah Setiausaha SPA Negeri Saiful Abdullah dan Residen Bahagian Sibul Sim Kok Kee serta ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri.

Melalui kaedah ini, Lamien memberitahu, semua permohonan jawatan akan disaring melalui tapisan

awal, peperiksaan, sesi penilaian kompetensi berpusat dan akhirnya sekali sesi temu duga.

Pada tahun 2011, seramai 1,123,692 calon telah mengemukakan permohonan dengan SPA.

Daripada jumlah tersebut, seramai 150,159 calon telah dipanggil temu duga dan seramai 36,810 calon telah dilantik oleh SPA ke pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam.

“Di kalangan anak-anak negeri Sarawak pula, statistik bagi tahun 2011 menunjukkan seramai 14,137 calon telah ditemu duga dan 3,310 calon telah berjaya dilantik atau ditawarkan latihan ke dalam perkhidmatan awam persekutuan,” ujar beliau.

Menyedari bahawa negeri Sarawak merupakan sebuah

negeri yang terbesar di Malaysia, Lamien berkata, SPA telah mengambil inisiatif membuka pejabat cawangan dan pusat temu duga di Kuching dan menubuhkan pusat temu duga di Miri dan Sibul.

“SPA berharap dengan pembukaan pusat temu duga di luar Kuching seperti di Sibul dan Miri bukan sahaja memudahkan urusan logistik di peringkat urus setia SPA Cawangan Sarawak malahan telah dapat membantu jabatan-jabatan persekutuan yang terlibat dalam urusan temu duga.

“SPA percaya lokasi pusat temu duga yang strategik ini tentunya akan memberi kemudahan kepada rakyat Sarawak, khususnya penduduk di sekitar Sarikei, Kapit, Mukah dan Sibul menghadiri temu duga yang

dikendalikan oleh SPA,” katanya.

Menurut Lamien, penubuhan pusat temu duga di Sibul dan Miri bukan hanya dikhususkan untuk urusan temu duga sahaja, malah telah dan akan terus dilengkapi dengan kemudahan komputer bagi memudahkan orang ramai membuat permohonan kepada SPA secara online.

“Dalam rancangan strategik SPA sehingga tahun 2015, semua pusat temu duga di seluruh negara akan dimaksimumkan kapasitinya untuk menjadi pusat sehenti (One Stop Centre) dengan memberikan kemudahan kepada pelanggan sama ada pemohon pekerjaan mahupun sedang berkhidmat untuk mendapatkan perkhidmatan dari pusat temu duga sedia ada,” jelasnya.